



HIJRAH *In Person*



Ira Lilina Binti Zainal
Cawangan Tanjung Karang

Ira Lilina Binti Zainal, personaliti pilihan Buletin Inspirasi kali ini, memulakan kerjaya beliau di Hijrah Selangor pada 9 September 2013 sebagai Pegawai Kutipan di Cawangan Tanjung Karang. Berkongsi pengalaman memulakan karier, seawal 2 bulan setelah tamat ijazah, beliau tidak berfikir panjang dan terus menggiatkan diri dalam industri mikro kredit. Hari ini, berbekalkan pengalaman hampir 10 tahun, menjadikan beliau faham serba-serbi dan selok-belok penerima pembiayaan. Ini mendorong beliau untuk terus menyumbang bakti di Hijrah Selangor dalam terus memastikan kutipan sentiasa dicapai mengikut sasaran.



“Sebagai seorang yang pernah menjadi peniaga kecil, pengalaman first-hand dalam hal tersebut banyak membantu dalam memahami apa yang dihadapi oleh peniaga. Bertugas dalam bidang ini membolehkan saya membantu dan memberikan khidmat kepada mereka secara telus dan holistik”, kongsi **Azmil Syukri Bin Hasan**, Pegawai Kutipan di Cawangan Serdang. Beliau telah 11 tahun berkhidmat dalam institusi mikro kredit, dan pernah dilantik sebagai Pengurus Cawangan Sementara di Cawangan Pandan selama 4 bulan. Pengalaman dalam pelbagai bidang termasuk jualan, khidmat pelanggan, ejen dan pernah juga berniaga secara kecil-kecilan di lokasi-lokasi berbeza di Semenanjung Malaysia, membuatkan beliau kental dalam setiap segi, malah kekal awet muda meski di usia setengah abad.



Azmil Syukri Bin Hasan
Cawangan Serdang



Ira Lilina & Azmil berkongsi

Ciri-ciri Pegawai Hijrah yang komited:

- 1 Mewujudkan perhubungan baik dan situasi menang-menang dengan penerima pembiayaan.
- 2 Memberi perkhidmatan terbaik kepada penerima pembiayaan dalam perkara yang berkenaan.
- 3 Menawarkan khidmat nasihat dan memberi pandangan sudut berbeza kepada penerima pembiayaan.
- 4 Sentiasa fokus dalam memastikan sasaran dicapai.
- 5 Memberi maklum balas dan cadangan penambahbaikan kepada pihak pengurusan.

LENSA AKTIVITI

MAJLIS KHATAM AL-QURAN DAN JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI YAYASAN HIJRAH SELANGOR

Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri Yayasan Hijrah Selangor telah diadakan pada 26 Syawal 1444H, 17 Mei 2023 (Rabu).

Turut berlangsung adalah Majlis Khatam Al-Quran Perdana yang diadakan hasil kesinambungan daripada Program Tadarus Al-Quran Online Hijrah Selangor yang telah bersiaran secara langsung di platform media sosial rasmi Hijrah Selangor sepanjang Bulan Ramadan.

Terima kasih diucapkan kepada semua rakan agensi, kakitangan dan orang awam yang hadir memeriahkan suasana.



LATIHAN PENGENDALIAN MAKANAN DAN SUNTIKAN TIFOID

Program SITHAM dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menjalankan Kursus Latihan Pengendalian Makanan dan Suntikan Tifoid kepada pengusaha makanan dalam kalangan masyarakat India. Seramai 50 peserta telah menerima sijil kursus latihan pengendalian makanan dan suntikan tifoid secara Percuma.

Harapan Hijrah Selangor agar peserta yang terlibat dapat menjalankan perniagaan mereka dengan jayanya sekaligus meningkatkan pendapatan mereka. Terima kasih diucapkan kepada Puan Normaiza Binti Yahya selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Hijrah Selangor di atas kesudian menyantuni peserta sepanjang program ini.

PROGRAM 'TIKTOK FOR RAMADAN'

Telah berlangsungnya program 'TikTok For Ramadan' sebanyak 2 siri pada 27 - 28 Februari 2023 dan 1 - 2 Mac 2023 di peringkat Zon 1, 2 dan 3. Bertempat di Hotel Best Western Shah Alam dengan jumlah penyertaan seramai 82 orang bagi kedua-dua siri tersebut.

Antara intipati menarik di dalam program ini adalah mengetahui cara-cara mendaftar akaun TikTok Business dalam pada masa yang sama pelajari juga perkara-perkara yang boleh (Do's) dan tidak boleh (Dont's) semasa membuat live TikTok.

Selain dari cara mengendalikan TikTok, juga diajarkan teknik menyunting video menggunakan aplikasi CapCut dan Canva.





KLIK VIDEO DISINI



SUCCESS STORY

Bukan semua kejayaan yang telah dicapai boleh menjamin kejayaan yang seterusnya, kita perlu bersedia untuk menghadapi kegagalan untuk memantapkan lagi perniagaan kita untuk lebih berjaya.

Mohd Fadlie Mat Said, D Lavender Services Sdn Bhd



KLIK VIDEO DISINI

Dugaan dan cabaran datang tanpa diduga, kita sebagai usahawan perlu bersedia dari segi mental dan juga kewangan yang kukuh, selain itu kita mampu bertawakal pada yang Esa.

Azidah Abdul Kadir, Dizahsham Enterprise

PENCALONAN SUCCESS STORY 2023

PENCARIAN



BERMULA...

TARIKH TUTUP : 23 JUN 2023

Maklumat lanjut dan permohonan, hubungi cawangan berhampiran

Ditaja Oleh



STRATEGI SUPER TIKTOK



TH HOTEL
KELANA JAYA



19 & 20 JUN 2023
ISNIN & SELASA



2 HARI

Berdaftar sebagai *TikTok Seller account*, video di akaun, satu sesi Live dan TikTok Ads

KLIK UNTUK PENDAFTARAN

PERSEDIAAN PASARAN KE ANTARABANGSA

SASARAN PESERTA
Usahawan yang ingin mengembangkan perniagaan ke peringkat antarabangsa

MODUL

- ✓ Pemilihan Produk
- ✓ Strategi Harga
- ✓ Pengiraan Pembangunan Produk
- ✓ Mengenalpasti Pasaran
- ✓ Mengenalpasti Sasaran Pembeli

TERHAD KEPADA
USAHAWAN
HIJRAH SELANGOR



12-13 JUN 2023
ISNIN & SELASA



NEXUS BUSINESS SUITE HOTEL,
SHAH ALAM

PROGRAM BIMBINGAN EKSPORT KE BRUNEI

SASARAN PESERTA
Usahawan yang ingin mengembangkan perniagaan ke pasaran Brunei

MODUL

- ✓ Penilaian Model Perniagaan
- ✓ Pelan Pemasaran Eksport ke Brunei
- ✓ Strategi Penjenamaan, Pengiklanan, Jualan dan Promosi
- ✓ Peraturan dan Piawaian Eksport ke Brunei
- ✓ Pelan Tindakan & Agihan Mengeksport



21-22 JUN 2023
RABU & KHAMIS



SUMMIT HOTEL, USJ

Untuk keterangan lanjut, hubungi Unit Pembangunan Usahawan
Cik Nur Firdaus : 011 6509 2127 / Cik Farhana : 016 336 3862

KLIK DISINI
MEDIA SOSIAL RASMI

KLIK DISINI
INFO TERKINI